SAMPEL PERCUMA

Soalan UASA Tahun 5

Set penuh: Soalan UASA Tahun 1–6

Tahun 5

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 33 fail PDF
- Kertas UASA sebenar sesi 2025/2026, 2023/2024 dan 2022/2023
- Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah
- Subjek lain: Pendidikan Islam, Moral, PJK, Muzik, RBT, Bahasa Arab
- Skema jawapan / panduan penskoran

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/soalan-uasa-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

TAHUN 5 SESI 2025/2026

Bahasa Melayu (011)

1 jam 15 minit

ARAHAN:

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	**1-10**	10	
B	**1**	5	
	2	5	
C	**1**	10	
D	**1**	20	
Jumlah		**50**	

Bahagian A
[*10 markah***]**

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.


1 Azhan amat berselera memakan se_____ jagung bakar.

A biji

B buah

C batang

D tongkol



2 Ikan pari yang berjaya dipancing oleh Encik Badrul itu berbentuk _____ dan mempunyai ekor yang berbisa.

A tirus

B leper

C bujur

D lonjong

3 *Pilih ayat yang* **betul**.

A Saya bermain bola atau saya menonton televisyen.

B Amir membaca buku dan dia menonton televisyen serentak.

C Mereka belajar dengan rajin tetapi mereka lulus peperiksaan.

D Saya suka membaca buku kerana dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada minggu lalu, sekolah Chandran telah mengadakan Karnival Sains dan Teknologi. Tujuan karnival ini diadakan adalah untuk menarik minat murid terhadap bidang sains dan teknologi. Pelbagai aktiviti yang menarik diadakan seperti demonstrasi sains, kuiz pintar sains dan pameran teknologi. Pertandingan roket air turut diadakan di padang sekolah.

Chandran dan rakan-rakannya telah menyaksikan pertandingan itu. Mereka teruja apabila melihat roket air dilancarkan ke udara semasa majlis penutupan. Chandran telah menerima hadiah bagi tempat pertama dalam kuiz pintar sains.

4 Karnival Sains dan Teknologi diadakan untuk

A melahirkan saintis muda

B memberikan hadiah kepada para peserta pertandingan

C mengadakan pertandingan roket air

D menarik minat murid terhadap bidang sains dan teknologi

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

A Pertandingan roket air diadakan di atas pentas.

B Chandran dan rakan-rakannya menyertai pertandingan roket air.

C Karnival Sains dan teknologi itu dianjurkan oleh sekolah Chandran.

D Chandran tidak mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang diadakan.

6 Berikut ialah aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa Karnival sains dan Teknologi berdasarkan petikan *kecuali*

A kuiz pintar sains

B demonstrasi sains

C pertandingan roket air

D pameran produk inovasi

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1


Pada waktu petang, Li Zhe dan Nazif menunggang basikal. Mereka bersiar-siar di sekitar kawasan perumahan mereka. Semasa melalui kawasan dewan, mereka ternampak sekeping poster.

"Li Zhe, lihat poster ini, Kelab Rakan Alam Sekitar (RAS) akan mengadakan program Kayuhan Hijau pada minggu depan," kata Nazif kepada Li Zhe.

"Wah, menariknya! Program ini terbuka kepada semua penduduk Taman Bunga Raya. Bolehlah kita sertainya bersama-sama," kata Li Zhe.

"Ya, Li Zhe. Kita berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah jika menyertai program ini. Selain itu, aktiviti menanam pokok dan pengumpulan sampah elektronik juga akan diadakan. Kita juga boleh mendaftar untuk menjadi anggota Rakan Alam Sekitar pada hari tersebut." kata Nazif dengan penuh minat.

BAHAN 2



TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Soalan UASA Tahun 1–6

Tahun 5

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 33 fail PDF
- Kertas UASA sebenar sesi 2025/2026, 2023/2024 dan 2022/2023
- Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah
- Subjek lain: Pendidikan Islam, Moral, PJK, Muzik, RBT, Bahasa Arab
- Skema jawapan / panduan penskoran

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/soalan-uasa-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar